

10 OKTOBER 2017

Kaji masalah dadah di sekolah

SINAR HARIAN • SELASA 10 OKTOBER 2017

NASIONAL

21

Kaji masalah dadah di sekolah



Kementerian Pendidikan diminta kaji semula rancangan pencegahan penyalahgunaan dadah di sekolah, sama ada ia masih berkesan atau sebaliknya.

Naib Pengurus Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, selama ini, kementerian pendidikan dan Agenzi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sering mengadakan aktiviti mendidik agar murid-murid menjauhkan diri daripada gejala penyalahgunaan dadah.

"Berikutnya 420 sekolah didakwa berisiko tinggi menghadapi masalah penyalahgunaan dadah yang serius, saya harap semua pihak sama ada kementerian pendidikan ataupun semua pengetua sekolah perlu menyediakan kelelahan yang berlaku dan cuba mengatasinya dengan segera," kata Lam Thye kepada *China Press*.

Selain itu, katanya, ibu bapa turut memainkan peranan penting dengan memerhati gerak-geri anak-anak mereka bagi memastikan mereka menjauh dari masalah dadah.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed bahawa jika masalah itu tidak dapat diatasi, ia akan terus berleluasa dan sukar dibendung.

Nur Jazlan yang juga Yang Dipertua Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemandam) sebelum ini turut mendedahkan ujian rambang dijalankan terhadap 36,675 pelajar sekolah pada 2015 mendapat 1,475 daripada mereka positif dadah.

Daripada jumlah itu, 1,075 orang atau 73 peratus positif dadah jenis stimulan amfetamina manakala selebihnya positif dadah jenis kanabis.

Atasi masalah kekurangan pekerja asing

Kerajaan sudah merangka pelan menyeluruh bagi mengatasi ruginya pengusaha tempatan yang menghadapi masalah kekurangan

pekerja asing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wee Ka Siong memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dijangka akan mengumumkan pelan berkenaan dalam masa terdekat.

"Kerajaan sedar dan memandang serius masalah kekurangan pekerja asing di negara kita. Kerajaan telah mempunyai rencangan yang sesuai terutama sekali kepada sektor pembuatan," katanya seperti dilaporkan dalam *Sin Chew Daily*.

Menurut Ka Siong, beliau sebelum ini telah bersama dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed menguruskan masalah berkenaan dan telah memberi taktik kepada perdana menteri dan timbalannya.

"Kira-kira sebulan yang lalu, saya dan Mustapa mengadakan pertemuan dengan beberapa wakil persatuan pengilang dan syar-

kat pembuatan untuk berbincang masalah kekurangan pekerja asing ini secara mendalam. Saya percaya pelan penyelesaiannya sudah hampir siap dan akan diumumkan tidak lama lagi," kata Ka Siong.

Pada Mac lalu, Ahmad Zahid mengumumkan pengambilan pekerja asing baharu kecuali pembentuan rumah dihentikan, sekali gus majikan perlu menggaji pekerja asing sedia ada di negara ini, termasuk yang tamat tempoh permit kerja.

Minta mansuh UPSR segera

Kerajaan diminta melakukan perubahan drastik dalam dunia pendidikan negara dengan memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) secepat mungkin.

Pengerusi Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Datuk Ong Chiew Chuen berkata, bilaupun kementerian pendidikan telah merangka pelan transformasi pendidikan negara, namun sehingga hari ini, kerajaan masih belum melakukan perubahan terhadap sistem peperiksaan sehingga hari ini.

"Kementerian Pendidikan sudah banyak kali mengemukakan cadangan untuk mansuhkan UPSR, tetapi sehingga hari ini belum ada sebarang keputusan muktamad. Semua murid masih berlumba-lumba mencari markah yang tinggi dalam peperiksaan," kata Chiew Chuen seperti ditepati dalam *Nanyang Siang Pau*.

Tahun lalu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid memberitahu, kerajaan akan memuktamadkan sama ada memansuhkan UPSR atau sebaliknya dengan mengambil kira pandangan ahli akademik tempatan, modul-modul luar negara dan agensi berkaitan selain guru-guru berpengalaman di sekolah.

"Pada ketika ini, kementerian masih mengkaji cadangan itu (memansuhkan UPSR) kerana penilaian institusi pendidikan di negara membangun seperti di Perancis dan Finland lebih bersandarkan penaksiran berdasarkan sekolah termasuk psikometrik, kurikulum dan sahsiah pelajar," kata Mahdzir.